



**Majlis Ugama Islam Singapura**

**Khutbah Jumaat**

**12 Oktober 2018 / 3 Safar 1440**

**Islam Di Nusantara**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ، وَأَمَرَنَا  
بِالتَّقْوَى وَالْحُلُقِ الْكَرِيمِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا  
وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Marilah kita beristiqamah dalam bertaqwa kepada Allah s.w.t. laksanakan suruhanNya dan jauhi segala laranganNya. Semoga Allah s.w.t. mengukuhkan keperibadian kita dengan sifat-sifat yang terpuji dan menambahkan kekuatan kita untuk beramal soleh serta menyebarkan kebaikan kepada sekalian manusia. Amin.

## **Saudaraku yang dikasihi,**

Izinkan saya memulakan khutbah pada hari ini, dengan berkongsi suatu hadith, yang menurut saya, penting untuk dihayati isikandungnya. Saidatina Aishah r.a. pernah diriwayatkan berkata yang bermaksud:

*“Demi Allah, Aku pernah melihat Rasulullah s.a.w berdiri di hadapan pintu rumah ku, dan orang daripada Habsyah bermain dengan tombak mereka di dalam masjid Nabi s.a.w. Rasulullah lalu menutupi aku dengan selendangnya agar membolehkan aku menonton permainan mereka.”* [Hadith riwayat Imam Al-Bukhari dan Muslim]

Pada riwayat yang lain, terdapat penjelasan bahawa kejadian ini berlaku ketika mereka menyambut hari raya. Diriwayatkan bahawa Saidina Umar r.a. ketika menyaksikan permainan serta tarian tersebut di dalam masjid Nabawi, beliau tidak berapa menyukainya dan berpandangan ia tidak sesuai untuk dilakukan sedemikian rupa. Ketika itu Nabi s.a.w. memerintahkan Saidina Umar untuk membiarkan mereka dengan cara mereka menyambut perayaan, kerana itu adalah adat dan budaya mereka.

## **Saudaraku,**

Kisah yang baru saya kongsikan melambangkan keanjalan Islam, yang menjadikannya mampu untuk kekal relevan di mana

sahaja ia berada. Ia dapat memandu manusia dengan nilai-nilai murni tanpa perlu memaksa mereka mengabaikan mahupun menafikan kebiasaan adat resam serta budaya mereka. Kita menyaksikan kemakmuran Islam berkembang di nusantara, kita menyaksikan bagaimana nilai-nilai adat serta corak budaya wilayah ini berjaya diamal dan diselarikan bersama ajaran agama.

Sebagai contoh, adalah menjadi kebiasaan masyarakat yang hidup di kawasan perkampungan untuk memukul beduk sebagai pengumuman kepada penduduk-penduduknya. Adat tersebut turut kekal apabila datangnya Islam, malah ia dijadikan sebagai salah satu wadah untuk memaklumkan ketibaan waktu solat di kawasan tersebut. Contoh yang lain, kita menyaksikan seni bina sesuatu masyarakat, seperti masyarakat Melayu ataupun India diterapkan di dalam seni bina masjid-masjid setempat.

Keserasian ini tidak hanya terhad pada aspek adat dan seni, malah budaya masyarakat juga mempunyai ruang di dalam agama. Sebagai contoh, nilai kekeluargaan yang tersemat serta menjadi sehati dengan budaya masyarakat kita. Yang muda menghormati yang tua, memberi sokongan dan nafkah kepada ibu bapa dan sebagainya. Budaya tersebut bukan sahaja baik, malah ia juga merupakan sebahagian daripada nilai-nilai yang dianjurkan oleh Islam.

**Saudaraku,**

Risalah murni Islam ditujukan kepada semua manusia. Ia tidak terbatas keahliannya kepada sesebuah bangsa, suku atau kaum tertentu. Jati diri sejati seorang Mukmin tidak dinisbahkan kepada bangsa atau kaum tertentu, tetapi pemaparan sifat-sifat terpuji lagi konstruktif yang berpunca daripada keimanan sebenar kepada Allah s.w.t. Allah berfirman dalam surah Al-Hujurat, ayat 13 yang berbunyi:

يٰٓأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّن ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ  
لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقَىٰكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Yang bermaksud: *“Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu daripada seorang laki-laki dan seorang perempuan, menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia antara kamu pada sisi Allah adalah orang yang paling bertakwa antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.”*

Kita tidak perlu beranggapan bahawa kita tidak dapat menjadi seorang Mukmin yang baik, sekiranya kita tidak dapat meninggalkan adat, resam dan budaya kita. Adat bukanlah sesuatu yang merendahkan keimanan seseorang. Sebagaimana

yang telah disampaikan khutbah lalu; bahawa adat yang baik, yang membawa maslahat, sewajarnya diraih dan dikekalkan.

### **Saudaraku,**

Begitulah Islam! Ia mengiktiraf peranan adat kebiasaan di sesuatu tempat sehinggakan terdapat kaedah di dalam ilmu fiqh yang menyatakan “Adat [kebiasaan sesuatu kaum dan tempat] menjadi penentu [sesuatu hukum]” apabila tiada sebarang nas agama yang jelas.

Prinsip agama kita ini bertujuan antara lain untuk membolehkan seorang Muslim untuk merasa yakin dengan keimanannya dan pada masa yang sama selesa kekal dengan budayanya yang selari dengan nilai Islam. Justeru itu, umat Islam di daerah nusantara Melayu, sebagai contoh, tidak perlu merasakan bahawa mereka tidak dapat menjadi Muslim yang sempurna sekiranya mereka tidak meninggalkan sama sekali adat resam budaya mereka, atau kerana mereka jauh daripada tanah suci Mekkah dan Madinah.

Sejarah membuktikan bahawa ketika Islam tiba di rantau ini, Islam tidak menghapuskan budaya masyarakat tempatan selagimana ia selari dengan agama.

Islam mengajar insan bahawa kecintaan seseorang kepada agamanya tidak bercanggah dengan cintanya kepada negara, bangsa dan budayanya. Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan Ibn Hibban, terdapat kisah seorang sahabat bernama Fudaik,

yang bertanya kepada Nabi s.a.w. berkaitan hijrah ke kota Madinah. Persoalan tersebut telah diajukan kerana beliau memilih untuk menetap di sisi kaumnya yang tidak beragama Islam. Nabi s.a.w. bersabda yang bermaksud: “*Wahai Fudaik, dirikan solat, tunaikan zakat, dan jauhi keburukan. Dan tinggallah di negara kaummu seperti yang engkau inginkan.*” [Hadith riwayat Ibn Hibban]

Dalam sebuah riwayat yang lain, Nabi bersabda:

أَلْبِلَادُ بِلَادِ اللَّهِ وَالْعِبَادُ عِبَادُ اللَّهِ وَحَيْثُمَا أَصَبْتَ خَيْرًا فَأَقِم

Yang bermaksud: “*Bumi itu adalah bumi Allah, dan semua manusia adalah hamba Allah. Maka di mana sahaja kamu mendapati kebaikan, maka menetaplah di sana.*” [Hadith riwayat Imam Ahmad]

Hadith-hadith ini memberikan kepada kita panduan kehidupan yang jelas. Bahawa seorang itu boleh hidup sebagai Muslim yang baik Islamnya di mana sahaja beliau berada. Beliau menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat setempat. Menyumbang dan membangun sehingga kebaikannya dirasai dan kewujudannya dihargai oleh sesiapa sahaja yang ada di sekelilingnya.

Keanjalan Islam ini, memberikan kemudahan kepada seseorang untuk menyempurnakan kewajipannya kepada Allah s.w.t dan

dalam masa yang sama, melayari kehidupannya di dunia dengan penuh rasa yakin. Ketahuilah bahawa ajaran Islam tidak disampaikan secara paksa, dan ia juga tidak bertujuan untuk meluputkan adat dan budaya sesebuah kaum.

Semoga Allah memberikan kita pemahaman yang benar dalam beragama, membimbing kita menuju petunjuk jalan yang lurus, mengukuhkan pendirian kita dan jati diri kita sebagai seorang Mukmin. Amin. Ya Rabbal 'Alamin.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا  
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.